

Tarikh : XX September 2014

Nama & Alamat Syarikat

Tuan/Puan

PENOLAKAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa saya (**Nama Pelajar**), **No. Pelajar**, **Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pemasaran/Insurans/Kewangan/Pengurusan Sumber Manusia/Perniagaan Antarabangsa** ingin membuat penolakan penempatan menjalani latihan industri yang ditawarkan oleh organisasi tuan/puan melalui **surat/email/faks** bertarikh (**sila nyatakan tarikh surat/email/faks surat jawapan daripada organisasi**).

3. Penolakan ini dibuat disebabkan permohonan yang dihantar serentak dengan organisasi tuan/puan telah diproses dan diterima lebih awal oleh organisasi lain. Sebagai makluman tuan/puan, permohonan penempatan latihan industri dipohon sendiri oleh pelajar dan tiada jaminan pengesahan tempat jika dilakukan kepada satu organisasi sahaja. Saya dan pihak fakulti/universiti memohon maaf sekiranya penolakan ini menimbulkan kesulitan daripada pihak tuan/puan.

4. Saya dan pihak fakulti amat berterima kasih kepada organisasi tuan/puan yang memandang serius terhadap pemilihan pelajar daripada universiti ini bagi menjalani latihan industri. Semoga jaringan industri kedua-dua pihak kekal aktif dan memberikan kesan positif dalam meningkatkan reputasi organisasi dan universiti.

5. Kerjasama dan sokongan yang diberikan amat saya hargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

.....
(NAMA PELAJAR)
Program BM220/221/222/223/226
Fakulti Pengurusan Perniagaan,
UiTM Kampus Bandaraya Melaka
110 Off Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka